



• Dua orang pesilat Indonesia, Maryanto (kiri) dan Mohd Zaid, sedang menunjukkan satu demonstrasi silat olahraga dalam pesta itu.

Pengadil2utamakan teknik2 persilatan

- 1 SEP 1981

APAKAH yang menjadi perhatian seseorang pengadil silat olahraga? Mereka akan menilai sikap-sikap teknik yang digunakan oleh seseorang pesilat untuk serangan dan juga juru-juru silat.

Ini dijelaskan oleh Encik Margono, ketua wasit (pengadil) pasukan silat dari Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) yang menyertai kejohanan silat olahraga anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) baru-baru ini.

Katanya, markah akan dikira sekiranya sesuatu tumbukan atau tendangan itu tepat mengenai sasarannya dan berkesan.

Tertinggi

Markah juga akan dikira sekiranya seseorang pesilat itu dapat menjatuhkan lawannya sama ada dengan menyepak, mengait, dan membanting.

"Selain dari itu, mengunci pergerakan lawannya juga akan diberikan markah yang tertinggi sekali. Markah yang tertinggi ialah lima dan yang paling kecil ialah dua.

"Selain memukul dengan tangan, pesilat juga dibenarkan memukul dengan menggunakan siku dan menendang dengan lutut. Tetapi tendangan bahagian kaki tidak akan diberi markah. Dan tendangan yang merosakkan (bahagian kaki) tidaklah dibenarkan dalam pertandingan silat olahraga ini," beliau menjelaskan.

Beliau juga menerang-

untuk dijadikan sasaran dalam sesuatu pertandingan silat olahraga. Bahagian-bahagian ini ialah dari leher ke atas dan bahagian kemaluan. Pesilat juga tidak dibenarkan menggunakan sebarang ilmu kebatinan dalam perlawanan mereka.

"Untuk mengetahui sama ada seseorang itu

menggunakan ilmu kebatinan dalam perlawanan itu atau tidak, Dewan Pendeekar yang terdiri dari pakar-pakar hendaklah membuat perbezaannya," jelasnya.

Pertandingan hendaklah dijalankan di sebuah kawasan gelanggang seluas 9 meter x 9 meter dengan bahagian dalamnya seluas 7 meter x 7 meter.

Indonesia telah memulakan silat olahraga ini kira-kira 10 tahun yang lalu dan silat ini dipertandingkan dalam Pesta Olahraga Nasional (PON) dengan tujuan mengemukakan seni bela diri, kesenian, olahraga, pendidikan dan persaudaraan.

— Encik Januarno